

SUARA MITASA

WADAH KOMUNIKASI
WARGA AKADEMIK

*Menyatukan Aspirasi,
Memperkasa Warga*

DEWAN ACONG
TUANKU CANSELOR

**MESYUARAT EXCO
MITASA BIL. 1 SESI
2025 - 2028**

**MESYUARAT
AGUNG LUAR
BIASA 2026:
MEMPERKUKUH
PERLEMBAGAAN
MITASA**

**MITASA BERJAYA
TERBITKAN JURNAL
AKADEMIK PERTAMA!**

**PROMOSI KEAHLIAN
KESATUAN KAKITANGAN
AKADEMIK UiTM
(MITASA) SESI 2025 -
2028**

**MITASA DAN AHLI
BERPISAH TIADA**

MESYUARAT EXCO MITASA BIL. 1 SESI 2025–2028

17 OKTOBER 2025

Susulan Mesyuarat Agung Tri-Tahunan Ke-37 yang diadakan pada September 2025 serta pelantikan Presiden baharu, Encik Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli, Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA) buat julung kalinya mengadakan mesyuarat bulanan bersama barisan EXCO baharu bagi sesi 2025–2028.

Pelbagai perancangan dan susun atur telah dilakukan oleh Encik Mohd Amirul bagi meneruskan perjuangan MITASA dalam menjaga kebajikan dan kemaslahatan ahli-ahlinya. Selain itu turut dibincangkan untuk penetapan bagi wakil-wakil gred dan wakil kongres untuk Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS).

Penetapan tersebut perlu dilakukan bagi memastikan MITASA tidak tercicir dari menyertai mana-mana program anjuran CUEPACS yang mana boleh membantu kebajikan ahli-ahli MITASA secara keseluruhannya. Sebanyak 10 wakil gred dipilih p melibatkan Gred Sains Penyelidikan dan Pembangunan, Gred Pelajaran, Gred Perubatan dan Kesihatan, Gred Wanita, Gred Kuasa-Kuasa Tempatan dan Badan Berkanun dan Gred Pengurusan dan Profesional.

Bagi memastikan MITASA terus menjaga kebajikan ahli, telah di tambahbaik dan diperkenalkan kepada barisan Ahli Majlis Kerja iaitu portfolio ekonomi, kebajikan, aduan dan disiplin, komunikasi, keahlian dan promosi, pendidikan dan latihan serta penyelidikan dan penerbitan.

Ketetapan baharu melibatkan urusan aliran keluar masuk ahli, aliran aduan ahli, kebajikan serta program-program yang dirancang untuk jangka masa terdekat mahupun tahun hadapan. Semuanya diputuskan sebulat suara di dalam mesyuarat pertama tersebut yang dibuat di pejabat MITASA.



**“It’s the
U and I
in UNION
that makes
us
STRONG”**

DEWAN ACONG
TUANKU CANSELOR